

30 OCT 2001

Mahathir-Makanan

DR MAHATHIR MINTA SYARIKAT LADANG JADIKAN M'SIA PENGELUAR MAKANAN

PUTRAJAYA, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta syarikat perladangan yang besar menimbang untuk menyediakan sebahagian daripada tanah mereka bagi aktiviti pengeluaran makanan untuk membolehkan Malaysia menjadi pengeluar utama makanan.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat itu juga boleh menggunakan kawasan ladang mereka untuk memelihara sehingga sejuta ekor lembu, yang boleh membantu negara mengurangkan import daging.

Dr Mahathir mengemukakan cadangan itu pada mesyuarat kedua Majlis Penyelarasan Sektor Awam Dan Swasta dalam Sektor Pertanian yang dipengerusikan beliau di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Ketika memberi taklimat kepada media mengenai hasil mesyuarat tiga jam itu, Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi berkata dengan menceburi bidang tanaman untuk makanan dan akuakultur, syarikat seumpama itu boleh mempelbagaikan pendapatan masing-masing dan tidak bergantung semata-mata kepada kelapa sawit atau getah.

Kawasan perladangan di negara ini sekarang berjumlah empat juta hektar.

Mohamed Effendi berkata syarikat itu boleh melibatkan diri dalam pengeluaran makanan secara besar-besaran dan berasaskan komersil memandangkan mereka sudah memiliki tanah, kemahiran pengurusan, kemudahan kewangan di samping kemampuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan,

"Jadi majlis itu telah membincangkan bagaimana syarikat besar itu boleh memainkan peranan masing-masing bagi menjadikan Malaysia antara pengeluar utama makanan di dunia," katanya.

Mengenai penternakan lembu, menteri itu berkata tahap sara diri negara dalam pengeluaran daging sekarang ialah 23 peratus, dan jika usaha tidak dilakukan untuk menggalakkan penternakan lembu, angka itu boleh meningkat sehingga 28 peratus menjelang 2010.

Mohamed Effendi berkata memandangkan keadaan tidak menentu dalam pasaran komoditi dan keadaan ekonomi semasa, adalah kena pada masanya bagi syarikat berkenaan untuk mempelbagaikan kegiatan mereka ke dalam pengeluaran makanan.

Beliau berkata mesyuarat itu juga memberi penekanan kepada pentingnya Malaysia berusaha keras untuk meningkatkan daya saingnya di rantau ini, dengan mengambil contoh bahawa tidak ada syarikat Malaysia dalam senarai 20 syarikat teratas dalam industri perikanan di rantau ini.

Mengenai respons di kalangan wakil syarikat perladangan yang menghadiri mesyuarat itu, beliau berkata mereka telah bersetuju untuk mengkaji cadangan Dr Mahathir itu.

"Dan kementerian akan bekerjasama rapat dengan mereka serta meyakinkan mereka tentang daya maju projek penternakan lembu di ladang kelapa sawit secara bersepadu," katanya.

Bagi mereka yang memerlukan pertolongan untuk memulakan usaha dalam kegiatan tanaman untuk makanan, perikanan atau penternakan, beliau memberi jaminan yang kementerian itu bersedia untuk memberi apa sahaja bantuan yang diperlukan.

Ketika ditanya mengenai input daripada kalangan Menteri Besar yang menghadiri mesyuarat itu, Mohamed Effendi berkata: "Mereka bersedia untuk memperuntukkan mana-mana kawasan yang ada bagi tujuan itu, tetapi mereka juga menyatakan dalam keadaan sekarang sudah tidak ada tanah lagi."

"Kebanyakan kawasan sudah dimiliki oleh syarikat perladangan yang besar-besaran, kalau ada pun hanya tanah milik pekebun kecil. Selain itu,

terdapat keperluan lain seperti pembangunan perumahan dan perbandaran. Jadi tanah amat terhad."

Mohamed Effendi berkata itulah sebabnya Dr Mahathir telah menyentuh tentang perlunya dikaji pilihan yang ada dengan menggunakan kawasan ladang bagi aktiviti penanaman untuk makanan dan penternakan lembu.

Majlis itu ditubuh tahun lepas dengan mempunyai 56 anggota yang dilantik terdiri daripada kalangan menteri persekutuan, menteri besar dan ketua menteri, pegawai kanan kerajaan, wakil sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

-- BERNAMA  
MAM AHH NMO